



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN & INOVASI)

Bilangan 1 Tahun 2012

PROSES PENGURUSAN PEMANTAUAN PERJANJIAN MOU DAN MOA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA MELALUI SISTEM UePMO

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan proses pengurusan pemantauan perjanjian MOU dan MOA Universiti Teknologi MARA melalui Sistem UePMO.

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif bilangan 12 tahun 2012 pada 7 Mei 2012 telah memutuskan bahawa Perjanjian MOU dan MOA Universiti Teknologi MARA akan dipantau melalui Sistem UePMO oleh Pusat Perancangan Strategik. Pemantauan ini mengambil kira MOU dan MOA yang telah ditandatangani bermula dari tahun 2005.
3. Pekeliling ini menjelaskan prosedur dan proses kerja bagi pengurusan pemantauan perjanjian MOU dan MOA Universiti Teknologi MARA yang dijalankan oleh Pusat Perancangan Strategik.

TAFSIRAN

4. Bagi maksud pemakaian Pekeliling ini:
 - i. "MOU" adalah dokumen undang-undang yang menerangkan persefahaman dua hala antara Universiti Teknologi MARA dengan pihak lain. Ianya menyatakan penumpuan kehendak di antara pihak-pihak yang terbabit yang menunjukkan niat untuk mencapai matlamat yang sama. Ia adalah alternatif yang lebih formal dari satu persefahaman secara lisan, tetapi secara umumnya tidak mempunyai kuasa mengikat secara kontrak.
 - ii. "MOA" adalah satu dokumen bertulis antara Universiti Teknologi MARA dengan pihak lain untuk berkerjasama atas sesuatu projek atau untuk mencapai satu objektif yang telah dipersetujui. Tujuan satu MOA adalah supaya terdapat satu dokumen bertulis berkenaan apa yang telah dipersetujui tersebut. MOA juga merupakan satu dokumen undang-undang yang mengikat pihak-pihak terhadap komitmen mereka atau sebagai satu dokumen perjanjian perkongsian sahaja.
 - iii. "Sistem UePMO" merujuk kepada sistem UiTM *Electronic Programme Management Office*.

TUJUAN PELAKSANAAN

5. Pekeliling ini diedar untuk memastikan semua Pusat Tanggungjawab mengambil maklum perjanjian MOU dan MOA Universiti Teknologi MARA yang telah ditandatangani dipantau oleh Pusat Perancangan Strategik melalui Sistem UePMO.
6. Proses kerja dan carta alir bagi pengurusan pemantauan perjanjian MOU dan MOA Universiti Teknologi MARA seperti di Lampiran 1. Proses kerja ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif bilangan 12 tahun 2012 pada 7 Mei 2012.

TARIKH DIKELUARKAN

7. Pekeliling dikeluarkan pada 23 Julai 2012.

TARIKH KUATKUASA

8. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 23 Julai 2012.











PROF. IR. DR. HJ. ABDUL RAHMAN OMAR
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Dikelilingkan Kepada:

*Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri*

*Bil. Fail :100-PPS (PT.6/7/2)
No Siri :100-PPS (PPS/01/2012)*

PROSES KERJA DAN CARTA ALIR PEMANTAUAN MOU/MOA UiTM

PEGAWAI TANGGUNGJAWAB	ALIRAN KERJA	PROSES KERJA	REKOD/DOKUMEN
		Mula	
Wakil Pusat Tanggungjawab (PTJ)		Pejabat Penasihat Undang-undang memastikan semua PTJ mematuhi garis panduan MoU/MoA	MoU/MoA yang telah ditandatangani disimpan oleh PTJ masing-masing
Wakil Pejabat Undang-undang		Pejabat Penasihat Undang-undang memaklumkan secara rasmi kepada PPS mengenai MoU/MoA yang telah ditandatangani dan memberi butiran berkaitan berdasarkan template pada cadangan 1 (b).	Satu salinan MoU/MoA yang telah ditandatangani disimpan di Pejabat Penasihat Undang-Undang sebagai Pusat Rujukan . Senarai MoU dan MoA berserta butiran yang berkaitan dihantar ke PPS
Ketua PPS		Ketua PPS menghubungi pihak PTJ yang berkenaan untuk memasukkan aktiviti MoU/MoA ke dalam sistem UePMO	Sistem UePMO
Wakil PTJ		Wakil PTJ memasukkan aktiviti MoU/MoA ke dalam sistem UePMO	Sistem UePMO
Ketua PPS		PPS membuat pemantauan kemajuan aktiviti MoU/MoA melalui sistem UePMO	Sistem UePMO
Ketua PPS		PPS melaporkan kemajuan aktiviti MoU/MoA kepada JKE melalui TNC (P&I) secara berkala.	Laporan Kemajuan
		Selesai	